

INSTITUSI KETENTERAAN SEBAGAI PEMELIHARA ASPEK MAQASID SYARIYYAH¹

Burhanuddin Jalal
Amnah Saayah Ismail
Sayuti Ab Ghani
Redwan Yasin

ABSTRAK

Pertahanan dan keamanan merupakan satu keperluan yang penting (*maslahat dharuriyyat*) bagi setiap manusia, masyarakat serta negara pada sebilang masa. Dengan adanya pertahanan, keamanan dan keselamatan manusia, masyarakat dan negara dapat melaksanakan tugas, peranan dan tanggungjawab dengan sempurna. Dalam peringkat awal Islam Rasulullah telah membentuk organisasi ketenteraan yang berteraskan memenuhi ciri-ciri maqasid syariah al-Islamiyah atau penjagaan terhadap matlamat sebenar Allah SWT menurunkan syariat Islam yang bersifat toleransi yang menjadi *Centre of gravity* kepada undang-undang peperangan dalam Islam, terutamanya syariat Islam yang menekankan kepada aspek islah atau penambahbaikan serta mencegah segala bentuk kerosakan di atas muka bumi. Kertas ini akan membincangkan tentang perancangan institusi ketenteraan yang dilaksanakan oleh Rasulullah yang sarat dengan maqasid syariah yang berkaitan dengan kemuliaan insan dan penjagaan hak-hak manusia yang telah dianugerahkan oleh Allah SWT. Syariat Islam yang dibina di atas **asas yang kukuh menekankan nilai-nilai keadilan, kebenaran, kesetiaan dan beramanah telah menjadi asas yang kukuh kepada institusi ketenteraan Islam dalam urusan dan peranannya sama ada semasa perang atau aman serta sikap dalam peperangan dan juga terhadap musuh.**

Kata kunci: Ketenteraan, *maqasid syariah*, peperangan, keadilan

ABSTRACT

Defence and security is an important requirement for every society and the state at all times. With the defense, security and safety of people, society and the state can carry out the tasks, roles and responsibilities perfectly. In the early stages of Islam, the Prophet Muhammad had established a military organization based on fulfilling the objectives of the syariah al-Islamiyah for care about the real goal Allah revealed Islam that is tolerant of the center of gravity to the laws of war in Islam, particularly Islamic law emphasized reform or improvement and prevent any form of corruption upon the earth. This paper will discuss the planning of military institutions performed by the Prophet that the objectives of the syariah requirements related to human dignity and protection of human rights that have been granted by Allah SWT. Islam is built on a solid foundation emphasizes the values of justice, truth, loyalty and trustworthy has become a solid foundation to the military institution and its role in Islamic affairs either at war or at peace and in war, and also the attitude towards the enemy.

Keywords: Military, objectives of the syariah, war, justice

PENDAHULUAN

Pertahanan dan keamanan merupakan keperluan yang penting (*maslahat dharuriyyat*) bagi setiap manusia, masyarakat serta negara pada setiap masa dan tempat. Dengan adanya pertahanan, keamanan dan keselamatan manusia, masyarakat dan negara akan dapat melaksanakan tugas, peranan dan tanggungjawab yang dimiliki ke tahap yang maksimum.

Para ulama menyebut kepentingan dan kebajikan manusia sebagai *maslahat* dan ia terbahagi kepada tiga iaitu:

- a. *Maslahat dharuriyyat*. Sesuatu yang diperlukan oleh manusia dalam kehidupan ini bagi memastikan kehidupan mereka berjalan dalam keadaan yang normal dan tidak terancam. Sekiranya perkara ini tidak dijaga maka kehidupan manusia akan pincang dan tidak sempurna.
- b. *Maslahat hajaiyyat*. Perkara yang diperlukan manusia untuk memudahkan hidup mereka. Sekiranya perkara ini tidak wujud maka kehidupan mereka tidak pincang tetapi mereka berhadapan dengan sedikit kesukaran.
- c. *Maslahat tahsiniyyat*. Perkara yang dinilai menepati kebiasaan manusia dan menjauhkan diri daripada perkara-perkara tersebut yang boleh mencacatkan dari segi penilaian dan adat kebiasaan (Yusuf al-Qardhawi 1984).

¹ Kertas kerja ini telah dibentangkan di 3th Kuala Lumpur International Islamic Studies And Civilizations Conference pada 25-26 Februari 2017 bertempat di Hotel Putera Kuala Lumpur. Kertas kerja ini juga hasil daripada geran projek penyelidikan Jangka Pendek UPNM no Rujukan UPNM//2016/GPJP/4/SSI/1.

Selain daripada itu, al-Quran menyebut bahawa antara keperluan asasi manusia itu antara lain diistilahkan sebagai '*al-amn*' iaitu kata bahasa Arab, yang bererti aman dan tenteram. Keamanan berkait rapat dengan keimanan kerana iman sebagai benteng kekuatan dalam hati untuk mencipta dan membina rasa keamanan dan ketenteraman, khususnya aman dan tenteram dari segala gangguan dan kegelisahan sama ada di dunia atau pun di akhirat. Al-Quran telah mengungkap adanya kaitan antara aspek iman dengan rasa aman dalam kehidupan manusia (Ideris Endot, 1987). Aspek ini telah difirmankan oleh Allah (s.w.t.) melalui firmannya dalam surah al-An'am (6:82) yang bermaksud, "*Orang yang beriman dan tidak mencampuradukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang yang mendapat keamanan dan merekalah orang yang mendapat hidayah petunjuk*".

Dalam al-Qur'an perkataan *al-amn* (keamanan) disebut sebanyak 45 kali dan istilah *iman* sebanyak 800 kali (*Al-dalil al-mufahras al-fazi al-Quran al-karim*). Kedua-dua perkataan tersebut mempunyai hubungan yang rapat berkaitan dengan keamanan dan pertahanan yang pada asasnya mempunyai makna atau pengertian yang cukup luas iaitu, pertama: Saling percaya mempercayai serta tidak saling mencurigai dan kedua: Makna ketenangan serta perdamaian dan bukan permusuhan atau pertentangan.

Oleh yang demikian, menjadi tugas dan tanggungjawab semua pihak untuk mewujudkan keamanan dan keselamatan atas nama kepentingan agama, bangsa dan negara. Oleh kerana betapa pentingnya kesatuan dan saling bekerjasama dalam usaha membina dan mewujudkan keamanan serta keselamatan, Imam al-Bukhari dalam kitab *sahihnya* telah menjelaskan keterangan yang cukup menarik tentang apa yang telah disabdakan oleh Rasulullah (s.a.w.) berkaitan dengan keamanan dengan sabda Nabi yang bermaksud, "*Kehidupan sosial dan kemasyarakatan memerlukan pertahanan dan keamanan dan aspek tersebut adalah umpama penumpang kapal (ka rukkab al-safinah). Sebahagian penumpang berada di tingkat atas, sebahagian berada di tengah dan sebahagian lagi di tingkat bawah. Apabila penumpang yang berada di tingkat bawah ingin mengambil air, mereka perlu naik ke atas dan melalui bahagian yang berada di atas mereka. Lalu terdapat fikiran dalam kalangan mereka yang ingin mengambil jalan pintas untuk mengambil air dengan cara menebuk dinding kapal, agar mudah untuk mendapatkan air. Jika idea atau fikiran tersebut dibiarkan sudah tentu kapal tersebut akan karam, sebaliknya jika ada dalam kalangan mereka yang menyedari dan mencegah perbuatan tersebut, maka sudah tentu mereka akan selamat dan kapal tidak akan karam*".

Dalam konteks negara Malaysia, tugas menjaga keamanan dan keselamatan negara, sebahagiannya telah ditugaskan kepada organisasi Angkatan Tentera Malaysia (*Malaysia Kita* 2004). Oleh yang demikian tugas tersebut merupakan satu amanah yang tentunya berkait rapat dengan aspek keagamaan. Amanah tersebut telah dipikul dengan jayanya oleh Angkatan Tentera Malaysia sejak tahun 1933 hingga kini dan telah menjangkau 84 tahun.

Selain dari itu juga amanah memikul tanggungjawab keamanan dan keselamatan ini juga secara horizontalnya berasaskan kepada kepercayaan rakyat dan secara vertikalnya ia merupakan amanah dari Allah (s.w.t.). Namun demikian sesuai dengan sifatnya bahawa tugas atau amanah menjaga keamanan dan keselamatan ini tidak hanya merupakan tanggungjawab Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tetapi juga semua pihak dalam organisasi kerajaan dan juga setiap rakyat dan warganegara. (Antara Maruah dan Pengorbanan, 1995).

Berdasarkan premis tersebut ternyata bidang ketenteraan merupakan satu aspek yang penting dalam Islam. Bidang ini sebenarnya berkait rapat dengan aspek pertahanan negara dan ketahanan ummah. Sesebuah negara yang dikatakan kukuh dan disegani ialah negara yang antara lain mempunyai angkatan tentera yang kuat dan mantap serta canggih pula dari segi persenjataan. Sebab itu antara perkara utama yang dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w.) semasa menegakkan kerajaan Islam pertama di Madinah ialah membentuk jentera pertahanan atau dengan kata lain mengasaskan angkatan tentera yang mampu menjadi benteng kepada negara dan umat Islam (Burhanuddin Jalal, 2011).

Proses menyediakan angkatan tentera yang kuat, profesional dan berwibawa bukanlah sesuatu yang bersifat tabii semata-mata. Ertinya bukanlah disebabkan adanya musuh atau terdapatnya ancaman ke atas sesebuah negara menyebabkan sesebuah negara itu membentuk angkatan tentera yang mungkin dapat menangani persoalan keselamatan dan pertahanan. Sebenarnya pembentukan angkatan tentera di sesebuah negara khususnya negara yang dikuasai oleh umat Islam, adalah sesuatu yang diperintahkan oleh Allah (s.w.t.). Ini jelas seperti yang telah difirmankan oleh Allah dalam surah al-Anfal (8:60):Maksudnya: "*Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya*".

Berdasarkan maksud, ayat di atas, musuh Islam tetap ada sama ada musuh itu dalam pengetahuan kita atau di luar pengetahuan kita. Sebab itu Allah mengarahkan agar umat Islam sentiasa bersiap sedia dan berwaspada bagi menghadapi sebarang kemungkinan agar mereka tidak akan dikejutkan oleh musuh yang mereka tidak menduga akan menyerang (Ahmad Shantut, 2003).

Profesion ketenteraan merupakan kerjaya yang dipandang mulia oleh Islam bahkan satu penghormatan yang tinggi terhadap orang-orang yang terlibat secara langsung dengan tugas-tugas ketenteraan. Orang-orang yang gugur di medan peperangan atau tugas yang telah diamanahkan demi kepentingan agama, bangsa dan untuk negara layak untuk digelar sebagai '*syuhada*' jauh lebih bernilai daripada penghargaan yang diberikan di dunia ini. Rasulullah bersabda yang bermaksud, "*Sesiapa yang mati kerana mempertahankan hartanya digelar sebagai syahid. Sesiapa yang mati kerana mempertahankan keluarga dan jiwa rakannya ia digelar sebagi syahid dan sesiapa yang mati kerana mempertahankan agamanya maka akan digelar sebagai syahid*" - *Riwayat Abu Daud.* (Sahih al-Bukhari).

Sehubungan dengan itu orang-orang yang berjuang pada jalan Allah Taala dengan penuh keikhlasan dan hanya mengharapkan kerediaan Allah tetap akan mendapat ganjaran besar seperti mana yang Allah telah janjikan melalui firmanNya yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh Syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunuh. (Balasan Syurga yang demikian ialah) sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah di dalam (Kitab-kitab) Taurat dan Injil serta Al-Quran; dan siapakah lagi yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual-belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual-beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar" (Surah at-Taubah 9: 111).

PENGERTIAN MAQASID SYARI'AH

Maqasid bererti tujuan atau matlamat yang ingin dicapai dalam sesuatu perkara. Dalam konteks ini, *maqasid syari'ah* bererti matlamat yang telah ditetapkan oleh syarak dalam penetapan sesuatu hukum. Al-Izz Abdul Salam (2002) menyatakan bahawa "syariat itu keseluruhannya membawa kepada kebaikan, sama ada menolak kemudaratan ataupun mendatangkan kemaslahatan". Bagi Imam I'lal al-Fasi (1991) menerangkan bahawa "matlamat umum pensyariatan dalam Islam adalah untuk mengimarahkan bumi dan menjaga prinsip-prinsip kehidupan di dunia serta berterusan dalam membuat kebaikan".

Maqasid juga sebagai hikmah dan maslahat sama ada di dunia dan di akhirat. Selain itu, ia bermaksud "menarik kebaikan dan menolak kemudaratan juga membawa maksud menghalalkan perkara kebaikan dan mengeji keburukan, selain bermaksud kebahagiaan di dunia dan keselamatan di akhirat" (Abdul Latif al-Hamim).

Menurut pandangan Imam Al-Syatibi (2000), Allah mencipta syariat dengan tujuan untuk mendatangkan kebaikan kepada umat dan menghindarkan keburukan dan kerosakan daripada mereka, dan dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu :

a) Al-Dharuriyyat - الضروريات (kepentingan asas)

Satu keperluan yang amat penting di mana kehidupan manusia tidak akan bertahan tanpanya, dan apabila keperluan ini luput akan menyebabkan kerosakan dan kebinasaan. Seluruh umat telah bersepakat bahawa syariat ini telah ditetapkan untuk menjaga lima kepentingan asas (*al-dharuriyyat al-khamsah*-الضروريات الخمسة) iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta dan dikenali sebagai kepentingan (*al-dharuri*-الضروري).

b) Al-Hajiyat - الحاجيات (keperluan)

Ia merupakan keperluan hidup untuk memudahkan kehidupan, yang mana tanpanya kehidupan manusia akan menjadi tidak sempurna dan mengalami kesempitan, namun tidak sampai ke yang membinasakan sekiranya tidak menggunakan konsep *al-hajiyat*. Contohnya: Solat jama' qasar dalam solat, tidak berpuasa di bulan Ramadhan bagi orang musafir dan lain-lain. Maka, jika tidak mengambil rukhsah dalam hal musafir (tidak berbuka puasa), ia tidak menyebabkan kebinasaan bahkan hanya memberi sedikit kepayahan ketika itu.

c) Al-Tahsiniyat - التحسينيات (pelengkap)

Iaitu keperluan yang tidak sampai ke tahap kedua di atas. Ia hanya bertujuan sebagai pelengkap kepada kehidupan, keselesaan dan kecantikan. Tidak membinasakan dan tidak mendatangkan kesusahan jika tiada *al-tahsiniyat*. Cuma, tidak lengkap dan tidak cantik dipandang mata ibarat hadiah tanpa pembalut dan reben) Contohnya : Adat bersalam dengan orang yang lebih tua, akhlak yang baik ketika bersama keluarga dan masyarakat, etika yang berprinsip dalam kerjaya serta berbudi bahasa. Perkara-perkara ini hanya sebagai pelengkap kecantikan pada diri seseorang.

KEISTIMEWAAN RASULULLAH SEBAGAI PANGLIMA TENTERA

Sirah Rasulullah SAW telah menjelaskan tentang Rasulullah SAW telah mengetuai ketenteraan melalui 28 misi peperangan dalam usaha menyebarkan dakwah Islamiah serta mempertahankan Islam. Kertas ini cuba menjelaskan bagaimana institusi ketenteraan di bawah pimpinan Rasulullah SAW memenuhi keperluan *maqasid syariah*, khususnya melalui perancangan atur gerak, penyediaan dan persiapan logistik, latihan dan pembentukan ketenteraan, strategi peperangan, pemilihan pemimpin serta yang lainnya (Imam Yahya. 2004).

Sebagai Panglima tentera Rasulullah SAW mempunyai banyak keistimewaan dan sifat-sifat unggul sebagai panglima tentera dan tidak boleh ditandingi oleh sesiapa pun di sepanjang sejarah ketenteraan. Menurut Yahya Basir Hamid (2014), Rasulullah telah mengimplementasikan pelbagai bentuk strategi ketenteraan dalam peperangan yang dipimpinnnya dan sebahagiannya masih diguna pakai sehingga hari ini. Rasulullah juga telah meletakkan asas dan prinsip peperangan yang dibina atas dasar kasih sayang, kemanusiaan dan ketamadunan. Keistimewaan perancangan ketenteraan Rasulullah SAW ialah penjagaan *maqasid al-Syariah al-Islamiah* atau penjagaan terhadap matlamat sebenar Allah SWT menurunkan syariat Islam yang bersifat toleransi yang menjadi *Centre of gravity* kepada undang-undang peperangan (*law of war*) dalam Islam, terutamanya syariat Islam yang menekankan aspek islah atau penambahbaikan dan mencegah segala bentuk kerosakan di muka bumi Allah ini. Firman Allah dalam surah Al-A'raf ayat 85-86 yang bermaksud, "Janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi sesudah Allah menjadikannya (makmur teratur) dengan sebaik-baiknya. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu jika betul kamu orang-orang yang beriman. Dan janganlah kamu duduk pada tiap-tiap jalan lalu-lalang, dengan menakut-nakutkan dan menghalangi orang-orang yang beriman dari melalui jalan Allah dan kamu pula menghendaki supaya jalan Allah itu bengkok terpesong dan

ingatlah semasa kamu dahulu sedikit bilangannya lalu Allah menjadikan kamu kembang ramai, serta perhatikan lah bagaimana akibat orang-orang yang berbuat kerosakan”.

Perancangan ketenteraan Rasulullah menepati *maqasid al-syariah* khususnya yang berkaitan dengan kemuliaan insan dan penjagaan hak-hak yang telah dianugerahkan oleh Allah. Rasulullah telah berpesan kepada panglima tentera dan memberikan garis panduan kepada mereka supaya menentukan langkah-langkah pemeliharaan terhadap kehidupan insan, menghormati sesama manusia tanpa mengira keturunan atau agama mereka. Secara jelasnya Islam dibina di atas asas yang kukuh dan bertilzam dengan nilai-nilai keadilan, kebenaran, kesetiaan dan beramanah. Firman Allah dalam surah al-Maidah ayat 2 yang bermaksud, *“Jangan sekali-kali kebencian kamu kepada suatu kaum kerana mereka pernah menghalangi kamu dari Masjidilharam itu, mendorong kamu menceroboh dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksanya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)”.*

Ibn Kathir (1988) telah menjelaskan, *“sesungguhnya keadilan merupakan sesuatu yang wajib ke atas setiap orang, untuk setiap orang dalam semua keadaan”.* Dalman bin Buraidah meriwayatkan daripada bapa beliau yang berkata, *“ Apabila Nabi SAW melantik seorang panglima tentera atau ketua sesuatu misi operasi ketenteraan baginda sentiasa berpesan dengan pesanan supaya bertakwa kepada Allah dan sentiasa bersikap baik terhadap anggota masing-masing. Kemudian Baginda bersabda yang mafhum nya., “ Berperanglah kamu sekalian atas nama Allah, di jalan Allah dan perangi orang kafir terhadap Allah. Berperanglah dan jangan kamu menjadi pelampau, jangan kamu mendera, membunuh anak kecil dan apabila kamu bertemu musuh dari kalangan orang kafir musyrik., maka serulah mereka ke pada tiga perkara iaitu memeluk Islam, membayar jizyah atau perjanjian damai. Jika mereka menerima salah satu daripadanya, maka terimalah mereka dan jangan menyerang mereka. Kemudian serulah mereka kepada Islam. Apabila mereka menyambut Islam, maka hentikanlah serangan ke atas mereka, dan ajaknya mereka supaya berpindah daripada negeri mereka kepada negara Muhajirin. Khabarkan kepada mereka, jika mereka sanggup berbuat demikian, maka mereka berhak menikmati apa jua yang dinikmati oleh orang muhajirin, dan sebarang tanggungjawab mereka menjadi tanggungjawab juga kepada orang muhajirin. Sebaliknya jika mereka enggan berbuat demikian, maka beritahu mereka bahawa n orang-orang Islam nasib mereka seperti juga nasib orang-orang Arab yang lain (yang tidak menerima Islam) dari segi penguatkuasaan hukum-hukum Allah ke atas mereka seperti mana hukuman yang dikenakan ke atas orang Islam yang tidak mematuhi Islam. Mereka juga tidak berhak mendapat apa-apa harta rampasan perang atau harta yang ditinggalkan musuh kecuali mereka sanggup berperang bersama-sama orang mukmin. Jika mereka enggan juga, maka mohonlah pertolongan Allah dan perangilah mereka. Apabila kamu mengepung penduduk sesebuah kota dan mereka mahu perdamaian dengan sekadar berdasarkan ikatan sumpah mereka dengan Allah dan Nabi mu semata-mata, maka janganlah kamu berbuat demikian, tetapi hendaklah kamu berasaskan janji kamu dan janji sahabat-sahabat kamu dengan mereka (secara bertulis). Sesungguhnya kamu lebih mudah mengawal janji kamu dan janji sahabat-sahabat kamu dengan mereka berbanding janji mereka hanya semata-mata berdasarkan sumpah mereka dengan Allah dan Rasulnya. Dan jika kamu mengepung penduduk sesebuah kota dan mereka bersetuju untuk menerima hukum Allah, maka janganlah kamu berbuat demikian, sebaliknya berhukumilah kamu ke atas mereka dengan hukuman kamu, kerana kamu tidak tahu apakah hukum Alah menimpa mereka atau tidak”.*

Ibn Abbas RA pula meriwayatkan daripada Rasulullah SAW bahawa ketika menghantar tentera baginda berpesan dengan sabdanya (mafhum), *“keluarlah kamu untuk berperang dengan nama Allah, perangilah sesiapa sahaja yang kufur dengan Allah demi semata-mata kerana Allah dan jangan kamu berkhianat, menyeksa, bertindak melampau batas dan jangan kamu membunuh kanak-kanak, orang tua serta para wanita. (riwayat Abu Ya’ala). Dalam riwayat lain nabi menambah, “ jangan kamu menghampiri pokok kurma dan jangan kamu memotong pokok serta jangan meruntuhkan bangunan” (Munir Mohd Ghadban, 1989).*

Muhammad Hasbi as-Siddiqi (1954), menjelaskan para khalifah Ar-Rasyidin selepas baginda turut mengambil pendekatan yang sama seperti mana yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW. Mereka sentiasa berpesan kepada pemerintah-pemerintah tentera dengan pesanan yang sama, pesanan yang sarat dengan ciri-ciri rahmat dan kemanusiaan. Sebagai contohnya , Sayidina Abu Bakar RA semasa menguruskan Usamah bin Zaid yang mengetahui misi tentera, dalam perutusan selamat jalan kepada mereka beliau berpesan dengan berkata, *“ wahai para perwira, ambil lah perhatian, aku ingin berpesan kepada kamu s4kalian dengan sepuluh perkara yang kamu perlu jaga. jangan kamu berkhianat, jangan melampau, jangan berlaku jurang, jangan mencacat atau merosakkan, jangan membunuh kanak-kanak, orang tua atau wanita. jangan kamu memotong pokok kurma dan jangan kamu membakarnya. Jangan kamu memotong pokok yang sedang berbuah, jangan kamu menyembelih kambing, lembu atau unta kecuali sekadar untuk makan. Kamu akan menemui kamu yang telah memperhambakan diri untuk rumah-rumah ibadah mereka masing-masing. (jika kamu menemui mereka) maka biarkanlah mereka dengan perlakuan mereka dan janganlah pula kamu mengikut jejak mereka. Kamu juga akan menemui kamu yang akan menghidangkan berbagai-bagai-bagai jenis makanan dalam bekas yang tertentu, dan jika kamu makan bacalah bismillah semasa memakannya”.*

Al-Quran telah mengisytarkan perkara ini menerusi firma Allah al-Baqarah 190, *“Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh”.*

Berdasarkan perancangan ketenteraan Rasulullah SAW terletak padanya unsur-unsur *Maqasid as-syariah* atau misi ketuhanan yang diterjemahkan dalam bentuk undang-undang peperangan dari aspek teori keislaman di mana Rasulullah SAW mengambil berat terhadap perkara ini kepada semua panglima tentera. Kesemuanya mempunyai *maqasid syariah* yang mementingkan keadilan, kesetaraan, hak asasi manusia, pengembangan dan kesopanan manusia (Yahya Basir Hamid, 2014). Ini dapat dijelaskan dalam perkara-perkara berikut:

1. Matlamat yang hendak dicapai dalam peperangan jelas dan spesifik. Perkara ini menjadikan para tentera dapat memahami secara perancangan dengan baik dan melaksanakan tugas dengan mudah. Sebagai contoh, sebelum peperangan Badar Baginda telah meminta pendapat dari para sahabat dari kalangan Ansar untuk mendapat strategik peperangan yang berkesan dengan sabdanya yang bermaksud (mafhum), "*Berikanlah pendapat kamu kepadaku, wahai sahabat-sahabat*".
2. Mempunyai kemudahan yang lengkap dari segi material dan sumber manusia bagi melaksanakan matlamat yang digariskan berdasarkan keupayaan dan kekuatan yang ada. Ini dapat dijelaskan melalui sabda Baginda yang bermaksud, "*sesiapa yang melengkapkan keperluan untuk berperang, maka sebenarnya dia jua berperang di jalan Allah dan sesiapa yang menyiapkan keperluan untuk barisan belakang, maka dia juga termasuk dalam kalangan orang yang berperang*". Hadis ini menunjukkan dengan jelas tentang keperluan menyiapkan peralatan untuk peperangan mengikut kemampuan masing-masing, sebagai persediaan untuk menghadapi musuh dan seterusnya untuk mengatasi musuh berdasarkan persediaan dan kelengkapan yang disediakan.
3. Menyelaras dan segala usaha yang boleh membawa kepada terlaksananya konsep dan matlamat tolong-menolong dalam keadaan harmoni dalam setiap peringkat kepimpinan. Perkara ini dapat dilaksanakan dengan perancangan yang sempurna dengan mengemukakan tanggungjawab yang jelas dari sudut masa dan tempat. Dalam konteks ketenteraan perkara ini dapat dilaksanakan berdasarkan maklumat dan perancangan yang telah dibuat. Sebagai contoh dalam peperangan Yarmuk, tentera Islam akan berdepan dengan Tentera Rom yang ramai dan senjata yang hebat. Perkara ini memberikan inspirasi kepada Panglima Khalid al-Walid untuk menyusun strategi ketenteraannya secara tidak berpusat berbeza dengan strategi ketenteraan ketika operasi pembukaan Kota Makkah.
4. Terdapatnya suasana tenang tanpa berlakunya ketegangan (stress) dalam kalangan anggota tentera dan dalam pihak pengurusan. Dalam setiap perancangan, aspek ketenangan dan kesabaran diutamakan dalam menghadapi segala cabaran dan semua perkara yang dihadapi perlu dijadikan pengajaran. Kebijaksanaan Rasulullah mengagunkan khidmat juru arah dan agen perisikan bagi mendapatkan maklumat mengenai musuh merupakan tindakan yang bijak. Dalam misi Hudaibiah, Baginda bertanya kepada para sahabat (mafhumnya), "*siapakah yang keluar bersama kita dengan tidak mengikuti jalan mereka?. Seorang lelaki daripada Bani Aslam menjawab, saya, Ya Rasulullah. Sabda Baginda "Maka ikutilah jalan itu"*".
5. Membangun kemahiran dan keupayaan kepimpinan seiring dengan perancangan yang diatur sekali gus sebagai tempat atau kaedah untuk mencari kaedah yang terbaik bagi mencapai kejayaan. Ia juga merupakan tempat bagi pertembungan antara keupayaan akal dan juga kehendak manusia. Dalam sirah peperangan bersama Rasulullah SAW, Baginda telah melantik beberapa panglima tentera berdasarkan keupayaan dan kekuatan personaliti yang berbeza, antaranya panglima yang gagah, pandai menyimpan rahsia, tahan lasak dan beberapa kriteria yang lain. Antara tokoh yang pernah dilantik berdasarkan ciri-ciri tersebut ialah seperti Abdullah bin Jahsy, Hubbab bin al-Munzir, Az-Zubair bin Awwam dan Huzaifah bin Yaman.

KEPERLUAN NEGARA MEMPUNYAI ANGKATAN TENTERA YANG BERWIBAWA

Dalam memenuhi keperluan *maqasid syariyyah* dalam konteks pertahanan negara, perlunya negara mempunyai angkatan yang berwibawa bukan sahaja kuat dan engkap dari aspek aset dan logistik tetapi individu yang menganggotai organisasi Angkatan Tentera Malaysia atau sumber manusia pertahanan.

Salah satu aspek penting dalam usaha membina tentera yang berwibawa ialah melalui pendidikan Islam serta penghayatan agama. Penekanan utama pendidikan ialah untuk membangunkan keperibadian manusia berlandaskan etika moral dan agama. Menurut perspektif Islam, pendidikan merupakan asas yang penting kepada keseluruhan hidup manusia bagi mencapai objektif pengabdian yang menyeluruh terhadap Allah. Pendidikan juga merupakan proses menjaga dan memelihara sifat-sifat semula jadi seseorang individu yang diberi latihan atau pendidikan untuk memupuk bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri mereka dengan dorongan secara beransur-ansur supaya bakat, personaliti dan nilai-nilai luhur dapat dikembangkan dengan baik. Hassan Langgulung (1991) mengatakan, fokus utama dan terpenting dalam pendidikan ialah seseorang individu itu perlu dididik sepanjang masa secara seimbang ialah jasmani, rohani, emosi dan intelek (JERI) yang dijuruskan dalam konteks pengabdian diri kepada Allah dan memperoleh keredaanNya. Sebagaimana diungkapkannya "manusia yang penuh keimanan dan takwa berhubung dengan Allah, memelihara dan menghadapkan segala perbuatan dan tingkah laku yang dilakukan" (Hassan Langgulung 1991)

Selain dari itu matlamat pendidikan dalam Islam juga bertujuan untuk melahirkan hamba Allah yang mempunyai perkembangan diri yang seimbang dalam kehidupan insan, merangkumi aspek, emosi, intelek dan rohani. Dalam Islam, keseimbangan pembangunan manusia perlu berasaskan kepada kerohanian agar manusia yang didik tersebut berakhlak mulia, bertakwa, patuh dan taat kepada hukum-hukum yang telah disyariatkan oleh Allah S.w.t sebagaimana yang telah dibincangkan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1979) dan Wan Mohd Nor Daud (1994) bahawa pendidikan adalah sebagai proses ta'adib yang dihubungkan dengan islah adab.

Dalam konteks Angkatan Tentera Malaysia, Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT) telah diberi peranan untuk melatih dan memberikan pendidikan Islam kepada seluruh warga Angkatan Tentera Malaysia (Burhanuddin Jalal 2011) serta menjadikan anggota ATM individu yang unggul yang mempunyai ciri berikut:

- **Amanah.** Amanah ialah sifat mulia yang mesti diamalkan oleh setiap orang. Ia adalah asas ketahanan umat, kestabilan negara, kekuasaan, kehormatan dan roh keadilan.
- **Ikhlas.** Ikhlas adalah inti pati setiap ibadat dan perbuatan.
- **Tekun.** Islam menggalakkan umatnya supaya tekun dalam melakukan sesuatu pekerjaan sehingga selesai dan berjaya. Sifat tekun akan meningkatkan produktiviti ummah, melahirkan suasana kerja yang aman dan memberi kesan yang baik kepada masyarakat. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah SWT menyukai apabila seseorang kamu bekerja dia melakukan dengan tekun".
- **Berdisiplin.** Berdisiplin dalam menjalankan sesuatu pekerjaan akan dapat menghasilkan mutu kerja yang cemerlang. Hasrat negara untuk maju dan cemerlang akan dapat dicapai dengan lebih cepat lagi kerana dengan berdisiplin seseorang itu akan dapat menguatkan pegangannya terhadap ajaran agama dan menghasilkan mutu kerja yang cemerlang.
- **Bersyukur.** Bersyukur dalam konteks peribadi unggul berlaku dalam dua keadaan: Pertama, sebagai tanda kerendahan hati terhadap segala nikmat yang diberikan oleh pencipta sama ada sedikit ataupun banyak. Kedua, bersyukur sesama makhluk sebagai ketetapan daripada Allah SWT supaya kebajikan sentiasa di balas dengan kebajikan. Firman Allah SWT,
- **Sabar.** Di dalam menghadapi cabaran hidup, kesabaran amat penting untuk membentuk peribadi unggul seperti yang dikehendaki Allah.
- **Adil.** Adil bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya. Para ulama membahagikan adil kepada beberapa peringkat iaitu adil terhadap diri sendiri, orang bawahan, pemimpin atasan dan juga sesama saudara. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "*Tiga perkara yang menyelamatkan seseorang itu daripada kemurkaan Allah iaitu takut kepada Allah ketika bersendirian dan di khalayak ramai, berlaku adil pada ketiak suka dan marah dan berjimat cermat ketika susah dan senang dan tiga perkara yang membinasakan iaitu mengikut nafsu, terlampau bakhil dan kagum seseorang dengan dirinya sendiri*".
- **Patuh dan taat.** Setiap pengikut mesti taat kepada pemimpinnya. Walau bagaimanapun patuh dan taat ini hendaklah dilaksanakan selama mana seseorang pemimpin itu berada di landasan Islam yang betul dari segi matlamat, tindakan dan pengurusan peribadinya. Prinsip ini boleh dirumuskan dari pelaksanaan solat berjemaah, di mana makmum (pengikut) tidak perlu mengikuti imam (pemimpin) yang tidak mengikuti rukun-rukun solat. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "*Wajib ke atas setiap orang Islam mendengar dan mematuhi (perintah ketua/ pemimpin) di dalam perkara-perkara yang disukai atau dibencinya, selagi tidak disuruh mengerjakan maksiat. Apabila disuruh mengerjakan maksiat tidak lagi ia diwajibkan mendengar dan taat*".
- **Sanggup berkorban.** Pengikut haruslah memberikan sesuatu komitmen sama ada kepada penghasilan, organisasi, cetsuan idea dan sebagainya. Komitmen merupakan suatu yang berkesinambungan, pengikut yang mempunyai komitmen akan mempengaruhi pengikut-pengikut yang lain di sekitarnya dalam melaksanakan sesuatu misi atau kerja yang diarahkan oleh seseorang pemimpin dengan jaya dan efektif. Ini kerana, pengikut merupakan satu rangkaian individu dalam organisasi atau masyarakat. Jika rangkaian individu mempunyai komitmen, ia akan mempengaruhi motivasi individu di sekitarnya, Seterusnya akan memberi dorongan kepada pemimpin dalam melaksanakan urusannya dengan lancar dan cemerlang. Dalam masa yang sama, komitmen ini adalah peluang untuk seseorang pengikut mempertingkatkan lagi kerjaya dan taraf hidupnya. Berkorban ialah menyumbang jiwa dan harta, masa dan nyawa serta segala-galanya demi mencapai matlamat. Di dunia ini tiada jihad yang tidak menuntut pengorbanan. Segala pengorbanan yang disumbangkan demi gagasan ini tidak akan disia-siakan, sebaliknya akan dibalas dengan ganjaran yang lebih besar dan pahala yang lebih baik. Antara firman Allah yang mengaitkan aspek tersebut adalah seperti berikut: "*Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda Yang kamu usahakan, dan perniagaan Yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal Yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara Yang kamu cintai lebih daripada Allah dan RasulNya dan (daripada) berjihad untuk Agamanya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusanNya (azab seksaNya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang Yang fasik (derhaka)"*".
- **Thiqah** (Boleh dipercayai). Setiap pengikut perlu mampu berdikari dan berfikir secara kritikal dalam sesuatu perkara atau penilaian demi kebaikan kumpulan atau organisasi. Ini akan membolehkan pemimpin dan kumpulannya menanam rasa kebolehpercayaan terhadap dirinya. Dia boleh dipercayai bila-bila masa sahaja dan sama-sama berkongsi kejayaan dengan pemimpin dan masyarakat sekitar.
- **Tajarrud** (Jati diri). Tajarrud ialah memberikan tumpuan sepenuhnya kepada fikrah atau gagasan kepimpinan organisasi yang disertai dan menyetepikan semua prinsip yang lain. Yakin dengan prinsip perjuangan yang dipegang bahawa itulah yang paling mulia, paling lengkap dan paling tinggi. Firman Allah, "(Katakanlah Wahai orang-orang Yang beriman: "Ugama Islam, Yang Kami telah sebatikan dengannya ialah): celupan Allah Yang mencorakkan seluruh kehidupan Kami Dengan corak Islam); dan siapakah Yang lebih baik celupannya daripada Allah? (Kami tetap percayakan Allah) dan kepadaNya lah Kami beribadat".

Bagi menjelaskan lagi aspek penghayatan Islam di kalangan anggota tentera, kajian selanjutnya akan meneliti beberapa aspek yang berkaitan dengan ketenteraan Islam, sejarah ketenteraan pada zaman Rasulullah dan para sahabat dengan tujuan kajian ini benar-benar dapat mencangkup bagaimanakah institusi ketenteraan itu dapat menjadi unggul berdasarkan sirah Rasulullah dan sejarah Islam, yang menghayati Islam dan mengamalkannya dalam kehidupan sekali gus menjadi benteng pertahanan ummah yang mampu menepati ciri-ciri maqasid al-syariyyah dan organisasi angkatan tentera dapat menepati kehendak Islam serta mampu memenuhi lima kriteria dalam Islam yang disebut sebagai ad-Dharuriyyat al-Hams atau kepentingan yang lima iaitu:

- **Menjaga Agama (hifzul ad-din)** bermaksud hak untuk memilih agama dan melaksanakan ajaran agama dan mengamalkannya dalam kehidupan.
- **Menjaga akal (Hifzul al-aql)** bermaksud kebebasan berfikir dan mengemukakan pendapat bagi memperoleh keadilan dan kebenaran.
- **Menjaga nyawa (Hifzul an-Nafs)** bermaksud hak untuk menjaga kepentingan nyawa iaitu kehidupan manusia supaya boleh hidup sesuai dengan keadaan sekelilingnya.
- **Menjaga harta (Hifzul al-Mal)** bermaksud bebas untuk mencari, mengumpul harta serta menggunakannya bagi kepentingan diri dalam kehidupannya.
- **Menjaga keturunan (Hifzul an-nasab)** bermaksud setiap insan berhak untuk mempunyai keturunan, menjaga keturunan dan memastikan keturunannya berkembang dan berterusan (Al-Mawardi, Abu Hassan Ali. 1960).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya institusi ketenteraan di bawah pimpinan Rasulullah SAW sangat menitik beratkan aspek *maqasid syariah*. Ternyata penekanan tersebut telah membawa institusi ketenteraan Islam kepada matlamat yang dikehendaki dalam membuka minda untuk kita umat Islam pada hari ini untuk berfikir dan bertindak serta menilai secara mendalam kesungguhan dan kebijaksanaan pemikiran tentera Islam yang bertaut secara langsung dengan faktor keimanan kepada Allah SWT. Sesungguhnya institusi ketenteraan pada zaman Rasulullah SAW sentiasa menghubungkan kemenangan dengan Allah dan Rasulnya sekali gus sentiasa mengaitkan dengan kepentingan *maqasid syariyyah*.

RUJUKAN

- Al-Fasi, 'Ilal. (1991). *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyah wa Makarimuha*. Rabat: Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Hamim, Abdul Latif (t.th). *Al-Dharuri fi 'Ilmi Usul al-Fiqh*. Beirut : Dar al-Ma'rifah
- Al-Izz Abdul Salam. (2002). *Qawaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Beirut : Dar al-Ma'rifah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1984). *al-Sahwah al-Islamiyyah bayna al-juhud wa al-tatarruf*. Misr: al-al-Qahirah, Dar al-Shuruq.
- al-Mawardi Abu Hassan 'Ali Muhammad Habib al-Basri. (1960). *Kitab al-ahkam al-sultniyyah*. Bayrut: Dar al-fikr.
- Al-Raisuni, Ahmad. (1992). *Nazariyyat al-Maqasid'Inda al-Imam al-Syatibi*. Beirut : Al-Maahad al-'Alami li al-Fikr al-Islami.
- Al-Syatibi. (2000). *Al-Muwafaqat*. Giza: Dar Ibnu 'Affan.
- Burhanuddin Jalal. (2011). Penghayatan Islam Dalam Kalangan anggota Angkatan Tentera Malaysia. Tesis Doktor Falsafah Fakulti Pengajian Islam (Bahan tidak diterbitkan). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hassan Langgulong. 1991. *Pengenalan tamadun Islam dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Kathir. (1988). *Mukhtasar tafsir Ibn Kathir* (Terjemahan). Kuala Lumpur: Victory Agency.
- Ibnu 'Asyur, Muhammad Thahir. (2001). *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyah*. Jordan: Dar al-Nafais.
- Ideris Endot. (1987). *Ketenteraan Islam*. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan. Fakulti Pengajian Islam: Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Imam Yahya. (2004). *Tradisi militer dalam Islam*. Yogyakarta: Logung Pustaka. Indonesia: Citra Islami Press.
- Muhammad Hasbi as-Siddiqi. (1954). *Ilmu pertahanan negara dan kemiliteran dalam Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Munir Mohamad al-Ghaban. (1989). *al-Manhaj al-Haraki fi Sirah*. Kuala Lumpur: Penerbitan YADIM.
- Shantut, Khalid Ahmad. (2003). *Tarbiyah Asyariah: Membina generasi tentera Islam*. Terj. Shadiq Khalid. Jakarta: Era Intermedia.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1979. *Islam and secularism*. Kuala Lumpur: Muslim And Youth Movement Malaysia.
- Tanpa Pengarang. *Antara Maruah dan Pengorbanan*. (1995). Kuala Lumpur: Markas Angkatan Tentera Malaysia.
- Tanpa Pengarang. *Malaysia Kita*. 2004: Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1994. *Konsep ilmu-ilmu dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Yahya Basyir Hamid. (2014). *al-Tahtid al-askari fi sunah nabawiyah*.(Terj). Kuala Lumpur: Markas Angkatan Tentera Malaysia.

Burhanuddin Jalal
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Emel: *burhanuddin@upnm.edu.my*

Amnah Saayah Ismail
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Emel: *Amnah@upnm.edu.my*

Sayuti Ab Ghani
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Emel: *sayuti@upnm.edu.my*

Redwan Yasin
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Emel: *redwan@upnm.edu.my*